

**TAHAP PENGUASAAN BACAAN AL-QURAN  
DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR  
UiTM SARAWAK**

OLEH :

AHMAD ROZAINI ALI HASAN  
SHADLI SABARUDIN  
CHE BAKAR CHE MAT

MEI 2010

Tarikh : 21 Mei 2010  
No. Fail Projek : 600-RMU/SSP/DANA 5/3 (6/2009)

Prof Dr. Abu Bakar Abdul Majeed  
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)  
Institut Pengurusan Penyelidikan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam

Yang Berbahagia Prof.,

**PENYERAHAN LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN “TAHAP  
PENGUASAAN BACAAN AL-QURAN DI KALANGAN PELAJAR-  
PELAJAR UiTM SARAWAK”**

Dengan hormatnya, perkara diatas adalah dirujuk. Bersama-sama ini disertakan 2 (dua) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk “**TAHAP BACAAN AL-QURAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR UiTM SARAWAK**” sebagai sebuah projek penyelidikan yang didaftarkan dengan RMI.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,  


**AHMAD ROZAINI ALI HASAN**  
Ketua  
Projek Penyelidikan

## ISI KANDUNGAN

	<i>halaman</i>
<b>SURAT PENYERAHAN LAPORAN</b>	ii
<b>AHLI KUMPULAN PROJEK</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	ix
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	ix
<b>ABSTRAK</b>	x
<b>BAB I</b>	<b>Pengenalan</b>
1.0	Latar Belakang Kajian 1
1.1	Penyataan Masalah 4
1.2	Matlamat Kajian 6
1.3	Kepentingan Kajian 7
1.4	Skop Kajian 7

## ABSTRAK

*Ibadah membaca Al-Quran adalah merupakan satu perkara yang amat penting dan dituntut oleh agama Islam. Ini adalah kerana Al-Quran merupakan wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada umat manusia sebagai panduan dan rujukan di dalam menjalani kehidupan di dunia yang fana' ini. Oleh itu pembacaan Al-Quran perlu dilakukan oleh setiap individu Muslim pada setiap hari mengikut kemampuan masing-masing. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat tahap penguasaan bacaan Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar UiTM Kampus Kota Samarahan, Sarawak. Seramai 128 orang responden telah di pilih untuk menjalani dua jenis ujian iaitu ujian aspek bacaan dan aspek ujian pengetahuan ilmu Tajwid. Hasil dari dapatan kajian menunjukkan tahap bacaan Al-Quran di kalangan responden adalah sederhana dengan peratusan 72.67%. Bagi aspek pengetahuan ilmu Tajwid menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang lemah kerana 36.91% pelajar yang betul menjawab soalan ilmu Tajwid. Hasil analisis juga menunjukkan permasalahan utama responden di dalam bacaan Al-Quran adalah tidak mengetahui hukum-hukum tajwid iaitu 43%. Dapatan juga menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai masalah mengenai ilmu tajwid di samping menghadapi kesukaran untuk menyebut dengan sebutan yang betul dan tepat.*

## **BAB I**

### **1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Al-Quran adalah ilmu utama yang perlu dipelajari oleh setiap individu Muslim. Penurunan ayat Al-Quran adalah menekankan kepada aspek pembacaan itu sendiri. Ini dapat kita lihat melalui suruhan *iqra* yang bermaksud bacalah. Dapat difahami aspek pembacaan khususnya membaca Al-Quran adalah amat dituntut dalam Islam kerana Al-Quran adalah wahyu iaitu Kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk menjadi rujukan dan panduan kepada semua manusia. Oleh yang demikian dengan menguasai Al-Quran akan melahirkan individu Muslim yang patuh dan taat perintah Allah.

Jika kita melihat kepada sejarah kehidupan Rasul seluruh aspek kehidupan baginda dijana melalui perintah wahyu iaitu Al-Quran yang diturunkan kepada baginda untuk disampaikan kepada umatnya. Melalui penguasaan Al-Quran ini Nabi telah ditarbiyah oleh Allah dan menghasilkan akhlak yang terpuji iaitu yang menggambarkan pelaksanaan Al-Quran dalam kehidupan baginda (Al-Qabbaini 1994).

Sejarah Al-Quran dari aspek pemeliharaan dan proses penyampaiannya kekal hingga ke hari ini tanpa sebarang pindaan dan perubahan dari sudut lafaz dan makna oleh sesiapa sahaja di kalangan manusia dan jin. Inilah yang membuktikan Al-Quran